

12 JAN 1998

Megat - Asean

HARGA POTONGAN BAGI NEGARA ASEAN

TELUK INTAN, 12 Jan (Bernama) -- Negara-negara Asean dijangka akan mengadakan perbincangan khas bagi membolehkan harga barangan yang didagangkan antara mereka dijual dengan potongan harga dalam matawang tempatan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata, potongan harga seperti 10 peratus bagi barangan yang dieksport kepada negara Asean lain akan memberikan keuntungan kepada negara rantau ini.

"Langkah berkenaan juga dapat mengelakkan pengaliran keluar matawang rupiah, bath dan ringgit," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa di Madrasah Kampung Sungai Kuching, 30 km dari sini malam tadi.

Katanya, cadangan mengadakan perdagangan menggunakan matawang negara Asean yang menjadi mangsa kegawatan ekonomi ketika ini boleh membantu negara anggota memulihkan masalah berkenaan dan tidak lagi terkongkong dengan dolar Amerika.

Bayaran akan dilakukan dengan menggunakan matawang negara yang mengeluarkan barangan berkenaan dan berkemungkinan juga menerusi sistem tukar barang (barter trading), katanya.

Katanya, menerusi cara itu juga, negara dapat menjimatkan pengaliran keluar ringgit membeli barang makanan import yang bernilai RM9,300 juta setahun.

Beliau juga yakin cadangan berkenaan akan diterima negara jiran bagi menyelamatkan ekonomi dan matawang masing-masing yang jatuh teruk akibat serangan dolar Amerika.

Manakala bagi Singapura dan Brunei dijangka turut menyokong usaha itu memandangkan kedua negara berkenaan tidak mempunyai bahan mentah sebaliknya terpaksa diimport, katanya.

Sementara itu beliau dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz akan mengadakan pertemuan dengan pengimport barang hari esok dalam usaha mengenal pasti jenis barang yang perlu diimport bagi memenuhi keperluan negara.

Katanya: "Kita tidak perlu mengimport terlalu banyak keju, minuman, pakaian berjenama dan perabot yang kadang-kadang tersimpan tanpa dibeli dan menyebabkan matawang akan tersangkut kerana semua barang yang diimport menggunakan dolar Amerika."

Pertemuan itu juga membolehkan kerajaan mengenal pasti dari negara mana barangan berkenaan boleh diperolehi dengan harga yang lebih murah, seperti bawang dari Thailand dan ubi kentang dari Indonesia berbanding negara lain, katanya.

Hasil pertemuan itu akan dikemukakan kepada Majlis Bertindak Ekonomi Negara (MBEN) yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk seri Dr Mahathir Mohamad bagi tindakan selanjutnya dalam usaha mengurangkan import.

Mengenai daging import dari India, Megat Junid berkata, Perdana Menteri telah mengarahkan lebih banyak rumah sembelih di negara berkenaan diiktiraf bagi membolehkan daging dapat diimport dengan lebih banyak dan murah dengan pembayaran menggunakan rupee.

Katanya, Jabatan Pengeluar Eksport Pertanian (Apeda) India telah mengemukakan enam rumah sembelih yang menepati piawaian kebersihan dan kesihatan dagingnya kepada Malaysia. -- BERNAMA

RZS WAT